

LAPORAN AKTIVITI BULANAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

BAGI BULAN OGOS 2022

1. KURSUS KESELAMATAN KEBAKARAN

JANM Pulau Pinang telah menganjurkan Kursus Keselamatan Kebakaran pada 10 Ogos 2022, bertempat di Tingkat 42, Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang. Kursus telah disampaikan oleh Encik Mohd Syafiq bin Mohd Jamil dan Encik Zara'im bin Mohd Lazim dari Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang.

Seramai 21 pegawai JANM Pulau Pinang telah menghadiri kursus ini. Kursus ini diadakan bagi memberikan pendedahan kepada pekerja tempat kerja mengenai kaedah mencegah kebakaran secara berkesan dan mengurangkan risiko kecederaan semasa aktiviti memadam kebakaran.



Perkongsian informasi Pegawai Bomba



Peserta yang terlibat



Penyampaian cenderahati kepada Pegawai Bomba

PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NEGERI PULAU PINANG

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Pulau Pinang (JANMPP) telah menganjurkan Perhimpunan Bulanan di peringkat Jabatan Akauntan Negeri Pulau Pinang pada 26 Ogos 2022, bertempat di Ruang Legar Seksyen Operasi JANMPP, Tingkat 42, KOMTAR.

Perhimpunan telah disertai oleh 89 orang pegawai JANMPP dan dirasmikan oleh Puan Maziah binti Musa, Pengarah JANMPP. JANMPP turut menyambut bulan kemerdekaan dengan mengibarkan bendera Jalur Gemilang.



Pengarah JANMPP memberikan ucapan bagi merasmikan Perhimpunan Bulanan
JANMPP



Pengarah merasmikan bulan kemerdekaan di peringkat JANMPP



Pengarah menyampaikan hadiah cabutan bertuah